

Siri Kajian AZKA | 5/2020

# TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DAN KOPERASI: Analisis Kandungan



AZKA-PPZ  
AKADEMI ZAKAT



---

**SIRI KAJIAN AZKA | NO. 5/2020**

**TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN**

**BAGI INSTITUSI PERBANKAN**

**ISLAM DAN KOPERASI:**

**ANALISIS KANDUNGAN**

---



LIHAT INFOGRAFIK BUKUINI.



**AZKA-PPZ**  
AKADEMI ZAKAT

**PENYUNTING:**

**Muhsin Nor Paizin**

Akademi Zakat (AZKA)

Pusat Pungutan Zakat

**PENYELIDIK:**

**Teh Suhaila Tajuddin (C.A(M))**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

© 2020 Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Cetakan Kedua 2023

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Wisma PPZ, 68-1-6,

Dataran Shamelin, Jalan 4/91,

Taman Shamelin Perkasa,

56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-92895757

Website: azka.zakat.com.my

Email: azka@zakat.com.my

Siri Kajian AZKA No. 5/2020. Taksiran Zakat Perniagaan Bagi Institusi Perbankan Islam dan Koperasi: Analisis Kandungan

ISBN 978-967-17088-8-0

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanic, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher.

Disclaimer

The views and opinions expressed in this research paper are solely those of the research team and do not represent the official views of the Pusat Pungutan Zakat.

## Taksiran Zakat Perniagaan Bagi Institusi Perbankan Islam dan Koperasi: Analisis Kandungan

Zakat perniagaan merupakan salah satu jenis zakat harta yang dikenakan ke atas aset semasa bersih perniagaan. Taksiran zakat perniagaan dibuat berdasarkan item-item di dalam penyata kewangan mengikut kaedah yang berbeza meskipun perniagaan berada di dalam industri yang sama. Lantaran itu, perakaunan zakat perniagaan masih lagi berhadapan dengan isu pentaksiran yang tidak selaras dan kurang tepat.

Kaedah perakaunan zakat perniagaan yang sedia ada tidak dapat memenuhi pelbagai bentuk perniagaan yang terdapat di Malaysia sama ada di sektor barang atau perkhidmatan. Pelarasan ke atas aset semasa bersih perniagaan perlu dilakukan bagi memastikan taksiran zakat perniagaan dapat dibuat secara tepat, telus dan adil. Walau bagaimanapun, pelarasan ke atas aset dan liabiliti yang dikenakan zakat adalah tidak seragam kerana pentaksiran zakat dibuat berdasarkan enakmen ataupun garis panduan yang berbeza-beza mengikut negeri masing-masing. Ketidakseragaman ini juga menyebabkan perbezaan dalam pengiktirafan dan pengukuran aset semasa dan liabiliti semasa yang dikecualikan daripada zakat.

Kajian ini memberi fokus kepada perakaunan zakat perniagaan bagi institusi perbankan Islam dan koperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kaedah perakaunan zakat perniagaan yang digunakan bagi syarikat berdasarkan perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi. Selain itu, kajian ini juga akan mengemukakan cadangan format taksiran zakat perniagaan bagi syarikat berdasarkan perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi yang komprehensif dan praktikal. Institusi zakat disaran menyediakan format atau templat taksiran zakat perniagaan khusus mengikut bentuk perniagaan yang lengkap dan komprehensif.

### Kata Kunci:

Perakaunan zakat perniagaan, institusi perbankan Islam, koperasi, taksiran zakat, kadar zakat dan asas zakat.

## BAHAGIAN 1

# Konsep dan Hukum Zakat Perniagaan

Bahagian ini membincangkan hukum dan syarat-syarat wajib zakat perniagaan di Malaysia. Skop kajian ini meliputi pentaksiran zakat perniagaan ke atas institusi perbankan Islam dan koperasi yang menjalankan operasi perniagaan di Wilayah Persekutuan.

Terdapat tiga dokumen utama yang dirujuk di dalam kajian ini iaitu dokumen polisi “Financial Reporting for Islamic Banking Institutions” yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2018 dan Manual Pengurusan Zakat Perbankan yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2010. Kedua-dua dokumen ini dirujuk bagi mengenalpasti tahap keperluan pelaporan dan perakaunan zakat perniagaan institusi perbankan Islam di Malaysia. Bagi perniagaan koperasi pula, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi merupakan rujukan utama dalam penentuan tatacara perakaunan zakat perniagaan koperasi. Garis panduan ini telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2012.

### Kewajipan Zakat Perniagaan

Zakat perniagaan merupakan salah satu jenis zakat harta yang dikenakan ke atas aset semasa bersih perniagaan. Secara asasnya, zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan yang berdasarkan pembuatan, barang pengguna, perlombongan, pembinaan, teknologi, perladangan, harta tanah, kewangan, hotel, perdagangan, perkhidmatan perbankan, penyedia perkhidmatan takaful atau lain-lain perkhidmatan dengan tujuan diperniagakan.

Setelah syarat-syarat zakat perniagaan dipenuhi oleh sesebuah perniagaan, maka kewajipan melaksanakan zakat terletak di bahu pemilik perniagaan ataupun ahli lembaga pengarah syarikat yang telah dilantik oleh pemegang-pemegang saham. Pengenaan zakat perniagaan juga tidak mengambil kira sama ada perniagaan mengalami keuntungan ataupun kerugian kerana zakat hanya dikenakan ke atas aset yang berkembang atau berpotensi untuk dikembangkan. Kewajipan zakat ke atas perniagaan telah dijelaskan seperti di dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman,  
keluarkan zakat sebahagian daripada  
hasil usaha kamu yang baik-baik  
dan sebahagian dari apa yang kami  
keluarkan dari bumi untuk kamu.”  
(Surah Al-Baqarah: ayat 267)*

Merujuk kepada al-Tabari, hasil usaha kamu yang baik-baik merujuk kepada aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan dan keuntungan. Imam al Ja’ssas dan Imam Abu Bakr ibn al ‘Arabi turut menyokong pendapat tersebut. (Al-Qaradawi, 2000: 204). Ayat tersebut juga menjelaskan bahawa Allah S.W.T mensyariatkan zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan ke atas aset semasa bersih perniagaan setelah memenuhi syarat-syaratnya.

Syarat-syarat wajib zakat perniagaan (JAWHAR, 2010 dan JAKIM, 2001) yang perlu dipatuhi sepenuhnya oleh pemilik perniagaan atau ahli lembaga pengarah syarikat yang telah dilantik oleh pemegang-pemegang saham adalah seperti berikut:

BIL	SYARAT	KETERANGAN
1.	Muslim	Kewajipan zakat ditaklifkan terhadap setiap Muslim. Oleh itu, zakat perniagaan dikenakan ke atas pemilik Muslim sahaja. Sekiranya pemilikan perniagaan terdiri daripada Muslim dan bukan Muslim, zakat ke atas perniagaan dikira mengikut nisbah modal yang disumbangkan oleh pemilik atau pemegang saham Muslim sahaja.
2.	Cukup nisab	Nisab harta perniagaan ialah sebanyak 20 mithqal iaitu bersamaan 85 gram emas. Oleh itu, apabila nilai aset semasa perniagaan bersamaan atau melebihi nisab, maka zakat pada kadar 2.5% akan dikenakan ke atasnya.
3.	Cukup haul	Zakat dikira ke atas aset semasa perniagaan yang telah genap haulnya. Tempoh haul dikira daripada tarikh permulaan perniagaan dijalankan dan bukannya pada tarikh aset dibeli atau dimiliki oleh perniagaan.
4.	Harta yang produktif	Zakat diwajibkan ke atas aset semasa perniagaan yang berkembang atau berpotensi untuk dikembangkan bagi menjana hasil pendapatan dan menyumbang kepada keuntungan perniagaan. Aset produktif juga merujuk kepada aset semasa yang cair seperti tunai atau aset yang akan berubah kepada tunai dalam tempoh setahun seperti penghutang dan stok akhir.
5.	Milik sempurna	Zakat dikenakan ke atas aset perniagaan yang sempurna milik iaitu dari segi pemilikan fizikal dan berkeupayaan mengurus tadbir sepenuhnya ke atas tersebut.
6.	Niat untuk diniagakan	Zakat dikenakan ke atas aset semasa perniagaan yang dimiliki atau dihasilkan untuk tujuan diperniagakan bagi menjana hasil pendapatan dan keuntungan.
7.	Harta atau perkhidmatan yang halal	Aset atau perkhidmatan yang halal sahaja yang diwajibkan zakat ke atasnya. Jika terdapat percampuran halal dan haram, maka zakat dikenakan ke atas bahagian yang halal sahaja.
8.	Sumber harta perniagaan	Zakat perniagaan dikenakan ke atas aset yang diperoleh dengan cara tukaran seperti jual beli dan sewaan.

Terdapat dua kaedah perakaunan zakat perniagaan yang digunakan secara meluas di Malaysia iaitu Kaedah Modal Kerja dan Kaedah Modal Berkembang (JAKIM, 2001). Selain itu, kaedah Untung Rugi juga ada digunakan untuk menaksir zakat perniagaan yang berasaskan pelaburan. Kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia adalah berasaskan Enakmen Undang-undang Negeri, Fatwa Mufti dan buku Panduan Zakat di Malaysia yang diterbitkan oleh JAKIM.

Namun begitu, beberapa permasalahan timbul apabila taksiran zakat perniagaan hendak dilaksanakan. Pertama, kaedah perakaunan zakat perniagaan yang sedia ada tidak dapat memenuhi keseluruhan bentuk perniagaan yang terdapat di Malaysia. Pihak institusi zakat perlu terlebih dahulu mengenalpasti ciri-ciri, jenis dan bentuk perniagaan yang dijalankan. Kemudian, kaedah perakaunan zakat perniagaan akan disesuaikan berdasarkan bentuk perniagaan yang telah dikenalpasti. Keadaan ini menyebabkan proses taksiran zakat perniagaan mengambil masa yang lebih panjang dan memerlukan kepakaran pihak institusi zakat bagi mengenalpasti kaedah perakaunan yang bersesuaian.

Kedua, pelarasan ke atas aset semasa bersih perniagaan perlu dilakukan bagi memastikan taksiran zakat perniagaan dibuat secara tepat, telus dan adil. Namun begitu, pihak institusi zakat dan pemilik perniagaan atau penyedia perakaunan syarikat

tidak dapat memastikan sejauh mana ketepatan pelarasan yang dilakukan. Ini disebabkan masih terdapat ketidakseragaman dalam pengiktirafan dan pengukuran aset semasa dan liabiliti semasa yang dikecualikan daripada zakat. Prinsip keadilan terhadap pelarasan yang dibuat menunjukkan bahawa taksiran zakat perniagaan amat menitikberatkan keadilan agar tiada pihak yang merasa terbeban terhadap kewajipan zakat perniagaan. Sebagai contoh, stok barang niaga yang tidak terjual atau telah usang perlu ditolak dari jumlah stok barang niaga sedia untuk dijual. Sekiranya pelarasan ini tidak dibuat, nilai zakat perniagaan ke atas stok barang niaga akan lebih tinggi dari yang sepatutnya.

Ketiga, ketiadaan garis panduan yang khusus terhadap penggunaan kaedah mengikut bentuk perniagaan menjadikan proses pentaksiran zakat perniagaan sebagai mengikut ijтиhad. Maka, taksiran zakat perniagaan dibuat oleh institusi zakat itu sendiri ataupun oleh panel-panel Syariah institusi perbankan dan kewangan Islam mengikut pandangan dan penilaian masing-masing. Oleh itu, pelarasan ke atas aset dan liabiliti yang dikenakan zakat adalah tidak seragam kerana pentaksiran zakat dibuat berdasarkan enakmen ataupun garis panduan yang berbeza-beza mengikut negeri masing-masing.

Kajian ini memfokus kepada zakat perniagaan ke atas institusi perbankan dan kewangan Islam dan koperasi yang beroperasi di Wilayah Persekutuan.

Di Malaysia, institusi perbankan Islam merupakan entiti yang beroperasi berlandaskan undang-undang Syariah dan diktiraf sebagai entiti perniagaan (urudh al tijarah) yang sah dari sudut perundangan. Maka, atas kapasiti sebagai entiti perniagaan, zakat perniagaan adalah asas utama kepada pentaksiran zakat institusi perbankan Islam.

Kajian ini telah mensasarkan dua objektif utama iaitu:

- i. Mengenalpasti kaedah perakaunan zakat perniagaan yang digunakan bagi syarikat berasaskan perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi di Wilayah Persekutuan.
- ii. Mengemukakan format taksiran zakat perniagaan bagi syarikat berasaskan perkhidmatan institusi perbankan Islam dan koperasi yang komprehensif dan praktikal.

Bagi mencapai objektif pertama kajian ini, kaedah analisis kandungan ke atas laporan tahunan institusi perbankan Islam dan koperasi yang terpilih telah dilaksanakan. Senarai semak bagi pelaksanaan analisis kandungan telah dibentuk berdasarkan dokumen polisi pelaporan kewangan institusi perbankan Islam oleh BNM, Manual Pengurusan Zakat Perbankan oleh JAWHAR dan garis panduan tatacara perakaunan zakat perniagaan yang diterbitkan oleh SKM. Selain itu, standard perakaunan yang disediakan oleh Lembaga Pialawan Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standard Board MASB), Tri-I Accounting for Zakat in Business juga dirujuk bagi mengetahui kaedah atau model taksiran zakat, kadar zakat, penyataan tanggungjawab zakat dan maklumat agihan zakat oleh setiap institusi yang terpilih dianalisa secara terperinci.

Baru-baru ini iaitu pada awal Januari 2020, Malaysian Institute of Accountants (MIA) telah menerbitkan buku bertajuk “Accounting for Islamic Finance” dimana kaedah taksiran zakat perniagaan, pengukuran dan pengiktirafan item aset, liabiliti dan ekuiti serta pembentangan dan pendedahan item zakat bagi institusi perbankan Islam dibincangkan secara terperinci di dalam buku tersebut.

Bagi mencapai objektif kedua pula, hasil dapatan kajian ini mencadangkan format taksiran zakat perniagaan yang eksklusif bagi perniagaan berasaskan perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi mengikut bentuk perniagaan masing-masing.

## Zakat ke Institusi Perbankan Islam dan Koperasi di Malaysia

### Pengenaan Zakat Ke Atas Institusi Perbankan Islam

Perkhidmatan perbankan Islam telah berkembang pesat di Malaysia sejak mula diperkenalkan dalam era 1990. Sistem Perbankan Islam di Malaysia terus rancak berkembang seiring dengan perbankan konvensional yang sedia kukuh. Aset sistem perbankan Islam meningkat kepada RM556,508.5 juta bersamaan 25% daripada jumlah keseluruhan aset sistem perbankan negara bagi tempoh berakhir 2013 (Mohamad Zaim et al, 2015).

Setiap bank yang menawarkan sistem perbankan Islam perlu mematuhi Prinsip Syariah (Shariah Compliant). Semua bank Islam dan bank-bank yang menawarkan khidmat perbankan Islam dikehendaki menubuhkan satu jawatankuasa Syariah (Shariah Committee) bagi membimbing dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah. Selain itu, jawatankuasa Syariah juga perlu memastikan bahawa fungsi bank adalah mematuhi kehendak Syariah (Hussain G. Rammal, 2006). Zakat perniagaan merupakan salah satu kewajipan dalam mematuhi prinsip Syariah oleh institusi perbankan Islam. Syarikat pula perlu dibimbing dalam pentaksiran zakat perniagaan oleh jawatankuasa Syariah.

Zakat perniagaan ke atas institusi perbankan Islam hanya dikenakan ke atas aset-aset yang dimiliki oleh institusi tersebut setelah memenuhi syarat-syarat dan membuat pelarasan yang bersesuaian ke atas aset atau liabiliti tertentu. Manakala, wang deposit oleh pendeposit tidak termasuk dalam kategori aset yang perlu dizakatkan. Ini kerana pihak institusi perbankan Islam adalah sebagai pemegang amanah dengan jaminan ke atas wadiyah pendeposit. Maka, pendeposit bertanggungjawab untuk menunaikan zakat ke atas wang deposit di bank atau institusi kewangan yang lain.

### Dokumen Polisi “Financial Reporting For Islamic Banking Institutions” Oleh Bank Negara Malaysia

Satu garis panduan pembentangan penyata kewangan bagi bank Islam telah mula diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dalam tahun 2003. Garis panduan ini mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965, pialawan perakaunan (AAOIFI FAS 9, MASB FRS

11, dan MASB TR i-1) dan keperluan Syariah. Dari semasa ke semasa, garis panduan ini telah ditambah baik dengan mengambilkira keperluan masakini. Pada 2 Februari 2018, sebuah dokumen polisi “Financial Reporting for Islamic Banking Institutions” telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Objektif utama dokumen polisi adalah bagi menjelaskan dan menetapkan jangkaan minimum dalam pemakaian standard pelaporan kewangan Malaysia (MFRS) kepada institusi perbankan Islam. Polisi tersebut juga bertujuan untuk memastikan pendedahan yang mencukupi oleh institusi perbankan Islam di dalam penyata kewangan. Oleh itu, pendedahan ini akan dapat membantu pengguna penyata kewangan membuat perbandingan dan penilaian terhadap kedudukan dan prestasi kewangan institusi kewangan Islam dan tahap pematuhan Syariah institusi tersebut.

Antara kandungan dokumen polisi tersebut menekankan bahawa institusi perbankan Islam perlu melaporkan zakat perniagaan yang telah ditunaikan. Bagi institusi kewangan Islam yang telah membayar zakat perniagaan, pendedahan boleh juga dilaporkan di dalam Laporan Lembaga Pengarah Syarikat.

Institusi juga hendaklah mendedahkan maklumat tambahan mengenai:

- i. tanggungjawab terhadap bayaran zakat sama ada di dalam perniagaan, dan/atau bagi pihak pemegang-pemegang saham;
- ii. kaedah digunakan dalam penentuan asas zakat contohnya kaedah modal berkembang atau kaedah modal kerja; dan
- iii. penerima bantuan zakat seperti Tabung Baitul Mal, fakir miskin, dan lain-lain.

Namun begitu, keperluan pelaporan zakat perniagaan dilihat amat minimum dan pendedahannya adalah atas pilihan institusi perbankan Islam itu sendiri. Hal ini menyebabkan pendedahan berkaitan taksiran zakat perniagaan adalah tidak menyeluruh dan maklumat yang dilaporkan adalah kurang berkualiti. Kesannya, stakeholders dan pengguna penyata kewangan tidak dapat membuat perbandingan dan penilaian dengan baik terhadap kedudukan dan prestasi kewangan institusi kewangan Islam dan tahap pematuhan Syariah institusi Perbankan Islam.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang bersidang pada

16 Ogos 2001 telah membincangkan berkenaan Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam:

***“Muzakarah telah memutuskan bahawa semua perbankan Islam yang menjalankan pengurusan perniagaan berlandaskan syarak wajib mengeluarkan zakat begitu juga semua kaunter yang menjalankan perniagaan berlandaskan syarak yang induknya bukan Islam.”***

#### **Manual Pengurusan Zakat Perbankan Oleh JAWHAR**

Pada tahun 2010, JAWHAR dibawah seliaan Jabatan Perdana Menteri telah mengambil initiatif dengan menyediakan manual pengurusan zakat perbankan setelah isu pembayaran zakat bagi wang pendeposit di institusi perbankan dibangkitkan.

Tanggungjawab dan kewajipan zakat perniagaan mencetuskan kebimbangan kepada sesetengah pendeposit yang musykil dan bimbang sama ada takrif berzakat mereka telah terlepas dengan penunaian zakat oleh pihak institusi perbankan Islam atau sebaliknya. Lantaran itu, manual pengurusan zakat perbankan yang lengkap telah merungkai kekeliruan masyarakat Islam pada ketika itu. Manual tersebut membincangkan secara terperinci tentang pengiraan zakat yang dibuat, kaedah penentuan amanun asas pengiraan zakat, item pelarasannya dalam pengiraan dan penentuan kadar zakat yang dikenakan bagi sesebuah institusi perbankan.

Taksiran zakat perniagaan dibuat berdasarkan kepada modal dan perkembangan atas modal (JAWHAR, 2010). Sumber modal disediakan oleh dana pemilik perniagaan, dana dari pelaburan luar dan dana berbentuk pinjaman. Di dalam manual ini, taksiran zakat perniagaan dibuat mengikut dua kaedah yang sama seperti disarankan oleh JAKIM (2010) dan LZS (2006) iaitu Kaedah Modal Berkembang dan Kaedah Modal Kerja. Pertama, Kaedah Modal Berkembang mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan dan liabiliti perniagaan seperti sumber-sumber pembiayaan kewangan dan keuntungan tahunan berdasarkan modal perniagaan. Pelarasannya ke atas item-item ekuiti dan liabiliti tertentu perlu dibuat. Kedua, Kaedah Modal Kerja pula mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan, ditolak dengan liabiliti semasa perniagaan dan dibuat pelarasannya ke atas item-item ekuiti dan liabiliti tertentu perlu dibuat.

atas beberapa item aset semasa dan tanggungan semasa sama ada dikenakan zakat atau tidak.

Institusi perbankan adalah antara salah satu institusi perniagaan yang mudah terdedah kepada unsur-unsur syubhah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah. Justeru itu, tanggungjawab menunaikan zakat perniagaan khususnya institusi perbankan perlu dibuat secara teliti, telus dan berhati-hati (JAWHAR, 2010). Hal ini amat penting dan perlu diberi perhatian bagi mengelakkan sumber-sumber yang tidak layak dan benar apatah lagi sumber yang haram termasuk di dalam taksiran zakat perniagaan.

### Pengenaan Zakat Ke Atas Perniagaan Koperasi

Koperasi adalah sesuatu pertubuhan yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Terdapat beberapa jenis koperasi yang beroperasi di Malaysia iaitu koperasi runcit, koperasi borong, koperasi kredit, koperasi perumahan dan bank koperasi. Koperasi umumnya ditadbir oleh Lembaga Koperasi yang dilantik oleh anggotanya dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi.

Akta Koperasi 1993 (Act 502) kemudiannya telah digubal bagi menyatukan undang-undang koperasi di seluruh Malaysia dan mula berkuatkuasa pada 22 Januari 1994. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu entiti yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. Sebelum ini, SKM telah dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK).

SKM telah menggariskan tiga objektif penubuhannya iaitu:

- i. Merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi negara;
- ii. Mengalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan; dan
- iii. Mengkekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi.

Koperasi merupakan sebuah entiti perniagaan yang diwajibkan mengeluarkan zakat perniagaan ke atas aset semasa bersih yang dimiliki. Namun begitu, tahap kepatuhan zakat perniagaan oleh koperasi di Wilayah Persekutuan masih ditahap yang rendah (setakat amatan dalam kajian ini). Ini terbukti apabila tiada pelaporan zakat perniagaan dibuat di dalam

laporan tahunan kebanyakannya koperasi terutamanya yang patuh Syariah.

Terdapat beberapa fatwa yang khusus membincangkan hukum zakat perniagaan ke atas koperasi di Malaysia. Pada 1 dan 2 Februari 1985, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-13 yang bersidang telah membincangkan Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya:

***“Muzakarah telah memutuskan bahawa koperasi wajib mengeluarkan zakat bagi pihak ahli-ahlinya.”***

Seterusnya, pada 18 Oktober 1986, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor) telah mengambil keputusan bahawa jika koperasi mempunyai harta tetap (yang tidak diniagakan) dan tidak berniat untuk dijual, maka tidak wajib dikenakan zakat, tetapi sekiranya harta tersebut mengeluarkan hasil dan cukup nisab dan haulnya maka wajib dikeluarkan zakat.

Pada 23 November 1996, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak telah sebulat suara mengambil keputusan bahawa Koperasi Anib Bhd. adalah diwajibkan untuk mengeluarkan zakat.

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Hukum Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia. Muzakarah memutuskan bahawa:

- “i. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) wajib mengeluarkan zakat setelah ditolak semua perbelanjaan perkhidmatan, pengurusan dan cukai pendapatan kiranya cukup haul dan nisab dengan kadar 2.5%.
- ii. Zakat hendaklah dibayar berdasarkan kepada pendapatan dan keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan apabila mendapat pertumbuhan, perkembangan dan pembesaran berbanding nilai dan modal.”

## GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan Peruntukan Garis panduan bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 bertujuan bagi menetapkan standard dan tatacara perakaunan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh koperasi dalam melaporkan penyata kewangannya supaya selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi. Peruntukan ke atas taksiran zakat perniagaan di bawah perenggan 32, 33, 34 dan 35 seperti berikut:

- (32). Pengiraan zakat perniagaan ini hendaklah dibuat apabila ia cukup haul (biasanya setahun) dan cukup nisab. Koperasi boleh memilih dua kaedah di bawah dalam pengiraan zakat iaitu:
  - a) Kaedah Model Berkembang (Growth Model)  
Aset yang dikenakan zakat = Ekuiti Pemilik + Liabiliti J/Panjang – Aset Tetap – Aset Separa Tetap – Aset Semasa +/- Pelarasan \* x % pemilikan syer dan yuran muslim x 2.5%
  - b) Kaedah Model Modal Kerja (Working Capital)  
Aset yang dikenakan zakat = Aset Semasa – Liabiliti Semasa +/- Pelarasan \* x % pemilikan syer dan yuran muslim x 2.5%
- (33). Pelarasan yang bertanda\* di atas adalah dicampur atau ditolak dalam pengiraan zakat kerana tidak mematuhi syarat-syarat untuk dikenakan zakat seperti yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa zakat negeri. Oleh itu, koperasi adalah dinasihatkan supaya merujuk terus kepada pihak berkuasa zakat negeri dalam pengiraan zakat yang betul dan tepat.
- (34). Bagaimanapun sekiranya koperasi mengakaunkan zakat yang dibayar dalam Akaun Untung Rugi, ia dibenarkan oleh garis panduan ini.
- (35). Koperasi hendaklah menyatakan dalam Nota kepada Akaunnya, kaedah yang digunakan dalam pengiraan zakatnya.

Koperasi boleh membuat peruntukan zakat perniagaan selepas pembahagian berkanun dalam Akaun Pembahagian Keuntungan atau mengakaunkan zakat yang dibayar dalam akaun Untung Rugi (Mohd Shahron, 2016).

Peruntukan zakat perniagaan ini boleh dibuat daripada keuntungan selepas pembahagian berkanun dan sebelum lain-lain pembahagian. Sebagai contoh, item yang perlu diagihkan dalam pembahagian berkanun adalah seperti Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi; manakala, bagi lain-lain pembahagian adalah seperti potongan langganan, dividen atas syer, dividen atas yuran, honorarium Lembaga dan lain-lain kumpulan wang dan tabung.

Walau bagaimanapun, garis panduan ini membenarkan pihak koperasi memilih untuk mengakaunkan zakat yang dibayar dalam Akaun Untung Rugi, iaitu sebelum membuat pengagihan keuntungan di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

## BAHAGIAN 2

### Sorotan Kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan permasalahan dan sorotan kajian lepas berkaitan perubahan perakaunan zakat perniagaan dan perakaunan zakat perniagaan bagi institusi perbankan Islam dan koperasi.

#### Perubahan Perakaunan Zakat Perniagaan

Perkembangan pesat dalam sektor perniagaan di era ini memerlukan perakaunan zakat perniagaan yang fleksibel, praktikal dan komprehesif. Perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia disifatkan tidak rigid disebabkan perakaunan zakat perniagaan yang dibentuk berdasarkan ijтиhad (Zahri dan Mohd Shukri, 2017). Oleh itu, perubahan dan penambahbaikan boleh dilaksanakan ke atas perakaunan zakat perniagaan agar selari dengan perkembangan ekonomi ummah masakini.

Perakaunan zakat perniagaan merangkumi proses menentukan harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya, membuat taksiran zakat yang perlu dibayar dan seterusnya menyediakan laporan (Zahri dan Mohd Shukri, 2017). Secara asasnya, sesebuah perniagaan memiliki harta perniagaan yang terdiri daripada aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa, liabiliti bukan semasa dan ekuiti pemilik. Persamaan perakaunan telah dibentuk berdasarkan kesemua komponen ini dan digunakan dalam membuat taksiran zakat perniagaan. Setiap komponen mengandungi item-item yang perlu dinilai sama ada wajib dikenakan zakat atau tidak. Komponen aset dan liabiliti yang digunakan dalam taksiran zakat perniagaan adalah berdasarkan amaun yang dibentangkan di dalam penyata kedudukan kewangan syarikat. Penyediaan penyata kewangan syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan dan membayar zakat hendaklah mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Malaysian Accounting Standard Board (MASB, 2006). Maka, pengiktirafan dan pengukuran aset dan liabiliti perlu dilakukan dalam menentukan asas zakat. Kadar zakat perniagaan yang ditetapkan

oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah 2.5% ke atas asas zakat (MASB, 2006).

Kebanyakan perniagaan menggunakan kaedah taksiran zakat yang bersesuaian dengan jenis dan ciri-ciri perniagaan bagi memperoleh jumlah zakat yang betul, tepat dan adil. Jumlah zakat perniagaan yang telah ditaksir seharusnya tepat dan tidak membebani pihak syarikat yang membayar zakat. Dua kaedah taksiran zakat perniagaan yang disarankan digunakan di Malaysia adalah kaedah modal kerja dan kaedah modal berkembang (JAKIM, 2001; JAWHAR, 2008). Kaedah modal kerja mengambilkira aset bersih perniagaan dimana aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa. Manakala, kaedah modal berkembang pula mengambilkira jumlah ekuiti pemilik dan liabiliti jangka panjang dan ditolak dengan keseluruhan aset tetap dan aset bukan semasa. Selepas nilai aset bersih diperolehi, pelarasan tertentu perlu dibuat ke atas komponen aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Pelarasan ke atas item-item tertentu juga dibuat bagi memastikan ketepatan dan mematuhi kehendak syarak. Seterusnya, peratus pemilikan Muslim dan kadar zakat iaitu 2.5% juga diambilkira. Walaupun kaedah dan asas zakat yang digunakan berbeza, jumlah zakat perniagaan yang ditaksir seharusnya menghasilkan jumlah yang sama kerana amaun diperoleh dari penyata kedudukan kewangan sahaja. Namun begitu, kaedah modal kerja lebih diterimakan terutama perniagaan di dalam sektor perlindungan dan pembuatan di Malaysia. Kaedah modal kerja ini tidak dibentuk bersandarkan nas yang jelas, oleh itu, ia masih tertakluk kepada sebarang perubahan mengikut keperluan (Muhammad Ikhlas, 2016).

Terdapat syarikat-syarikat di Malaysia yang menggunakan kaedah lain seperti kaedah untung rugi dan kaedah modal kerja terselaras. Bagi kaedah modal kerja terselaras, aset semasa yang produktif sahaja yang diambilkira dan ditolak dengan liabiliti semasa yang berkaitan dengan operasi perniagaan bagi memperoleh nilai aset bersih. Kaedah ini memerlukan setiap item aset semasa dan liabiliti semasa dianalisa

secara spesifik dan maklumat yang terperinci diperlukan semasa taksiran zakat dibuat. Kaedah modal kerja terselaras itu sendiri dibentuk bukan berdasarkan nas yang qat'i (Zahri dan Mohd Shukri, 2017). Ini bermaksud perubahan dalam perakaunan zakat perniagaan seharusnya dibenarkan dan boleh diterimapakai. Kaedah perakaunan zakat perniagaan berasaskan pendapatan boleh diamalkan sebagai satu kaedah alternatif bagi memaksimum manfaat layanan cukai di bawah seksyen 44(1), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Zahri dan Mohd Shukri, 2017). Syarikat yang telah membayar zakat perniagaan layak mendapat tolakan terhad kepada 2.5% dari jumlah pendapatan aggregat.

Selain itu, terdapat juga perniagaan di dalam sektor yang sama menggunakan kaedah taksiran yang berbeza-beza. Selain mengambilkira jenis perniagaan, faktor penggunaan kaedah taksiran zakat perniagaan yang berbeza-beza memerlukan kajian lanjutan bagi mengetahui justifikasi pemilihan. Maka, kaedah selain yang disarankan oleh pihak berkuasa agama boleh diamalkan selagi mana kaedah tersebut mematuhi kehendak syarak.

Pelaporan berkaitan zakat perniagaan perlu dibentangkan di dalam penyata kewangan syarikat (MASB TR-i 1, 2006; MASB TR-i 3, 2009). Zakat perniagaan yang ditaksir dan dibayar di dalam satu tempoh perakaunan hendaklah dibentangkan di dalam penyata untung rugi sebagai perbelanjaan perniagaan. Selain itu, entiti perniagaan hendaklah mendedahkan secara terperinci di dalam nota polisi perakaunan yang signifikan bersama penyata kewangan kaedah taksiran zakat dalam menentukan asas zakat, penyataan mengenai tanggungjawab menuaikan zakat perniagaan dan komponen utama zakat.

Di dalam Technical release Tri-3 bertajuk "Presentation of Financial Statements of Islamic Financial Institutions", institusi kewangan Islam dikehendaki membuat pendedahan peranan dan bidang kuasa penasihat Syariah atau lembaga Syariah didalam memantau aktiviti institusi kewangan Islam yang berkaitan dengan hal ehwal Syariah termasuk tanggungjawab zakat perniagaan. Pendedahan perlu dibuat di dalam laporan lembaga panel penasihat Syariah. Institusi kewangan Islam juga hendaklah mendedahkan, jika berkenaan, tanggungjawabnya terhadap pembayaran zakat bagi pihak pendeposit, pemegang saham dan lain-lain.

## Perakaunan Zakat Perniagaan bagi Institusi Kewangan Islam dan Koperasi

Zakat perniagaan yang telah ditunaikan oleh institusi perbankan Islam dan koperasi memberikan nilai tambah bukan sahaja kepada institusi malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Selain mematuhi rukun Islam yang keempat, perniagaan juga akan menikmati tolakan cukai yang terhad kepada 2.5% daripada pendapatan aggregat perniagaan. Zakat perniagaan yang telah dibayar akan direkodkan sebagai perbelanjaan perniagaan oleh institusi yang menuaikan zakat bagi satu tempoh perakaunan. Manakala, peruntukan zakat perniagaan yang dijangka akan dibayar dalam tempoh 12 bulan direkodkan sebagai liabiliti semasa di dalam penyata kedudukan kewangan perniagaan.

Beberapa aspek penting yang perlu diteliti dalam perakaunan zakat perniagaan telah dikenalpasti di dalam kajian perbahasan mengenai isu-isu dasar zakat perniagaan dalam Perbankan Islam (Abdul Ghafar, Achmad dan Muhammad Ali Jinnah, 2013). Aspek yang paling penting ialah menentukan item-item yang dikenakan zakat, kaedah untuk memilih asas zakat dan formula taksiran zakat perniagaan di dalam entiti perniagaan perbankan Islam. Item-item dalam penyata kewangan merangkumi aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa, labiliti jangka panjang dan ekuiti pemilik perlu dinilai oleh pihak institusi zakat yang melaksanakan taksiran zakat sama ada dikenakan zakat atau tidak. (Abdul Ghafar, Achmad dan Muhammad Ali Jinnah, 2013; Mohd Shahron, 2016).

Bagi koperasi pula, zakat perniagaan ke atas koperasi dikira ke atas modal kerja yang dibenarkan di akhir tempoh haul tanpa mengambilkira keuntungan yang diperolehi oleh koperasi. Koperasi disaran membuat peruntukan zakat perniagaan selepas pembahagian berkanun dalam Akaun Pembahagian Keuntungan atau mengakaun zakat yang dibayar dalam akaun Untung Rugi (Mohd Shahron, 2016).

Institusi kewangan perlu mengenalpasti dasar dan jenis perniagaan masing-masing dalam proses taksiran zakat perniagaan (Muhammad Ikhlas, 2016). Ini kerana institusi kewangan menjalankan pelbagai aktiviti sehingga perlu dikenalpasti jenis zakat apakah yang selayaknya dikeluarkan. Pengenalpastian terhadap asas pembayaran zakat institusi kewangan Islam penting kerana ia memberi

kesan terhadap taksiran zakat iaitu sama ada institusi kewangan Islam berasaskan perniagaan ('arud al-tijarah) wajib mengeluarkan zakat perniagaan semata-mata atau zakat pendapatan ke atas harta lain seperti pendapatan (mal al- mustafad) dan al-mustaghallat. Sekiranya sesebuah institusi kewangan tertakluk kepada kewajipan zakat perniagaan, maka kaedah taksiran zakat perniagaan yang relevan dan bersesuaian dengan dasar dan jenis perniagaan perlu ditentukan. Beberapa kaedah atau model taksiran zakat perniagaan yang digunakan oleh institusi kewangan adalah kaedah aset berkembang, kaedah modal berkembang, kaedah berkembang terselaras dan kaedah untung rugi.

Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti kaedah pengiraan zakat perniagaan yang digunakan bagi syarikat berasaskan perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam dan koperasi di Malaysia. Seterusnya, kajian ini mencadangkan format pengiraan zakat perniagaan bagi syarikat berasaskan perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi yang komprehensif dan praktikal.

## Asas Perakaunan Zakat Perniagaan

Bahagian ini menerangkan asas-asas pembentukan perakaunan zakat perniagaan secara umum dan secara khusus bagi perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi di Malaysia. Setiap item di dalam kategori aset, liabiliti dan ekuiti pemilik akan diterangkan secara terperinci. Terdapat item-item aset dan liabiliti yang dikenakan zakat manakala ada juga item-item yang dikecualikan daripada zakat. Oleh itu, bagi memastikan taksiran zakat perniagaan adalah tepat, betul dan adil, hujah atau keterangan item-item perlu difahami dan diperhalusi samada zakat wajib dikenakan atau tidak.

Perakaunan zakat perniagaan telah dibentuk berdasarkan al-Quran, al-hadis, al-iijmak, ulama dan al-qiyas (Zahri, 2014). Ayat 267 Surah al-Baqarah menjadi asas dan sandaran utama kepada kewajipan zakat perniagaan seperti dalam firman Allah S.W.T:

***“Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”***  
***(Surah Al-Baqarah: ayat 267)***

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Samurah Ibn Jundub yang bermaksud:

***“Rasulullah SAW memerintahkan kami supaya mengeluarkan zakat terhadap barang yang tersedia untuk dijual.”***  
***(Riwayat Abu Dawud)***

Petikan hadis ini dengan jelas menunjukkan bahawa zakat ke atas barang yang sedia diperniagakan adalah perintah dari Allah SWT yang wajib dilaksanakan. Perintah zakat di dalam hadis ini bersifat umum dan tidak menetapkan sebarang kaedah khusus untuk mentaksir zakat perniagaan.

Di dalam Kitab al-Amwal, Abu Ubayd melaporkan daripada Maimun b. Mahran seperti berikut:

***“Apabila sudah tiba waktu kamu mengeluarkan zakat, kiralah berapa jumlah wang tunai yang ada pada mu, kira berapa nilai barang perniagaan yang kamu miliki, kemudian dinilai keseluruhan barang tersebut dengan nilai wang tunai, dan kiralah hutang yang dapat dijelaskan (yang diberi persetujuan untuk dibayar), dan tolaklah hutang yang perlu dijelaskan, kemudian keluarkanlah zakat bakinya”. (Abu Ubayd, 1991: 362)***

Berdasarkan laporan Abu ‘Ubayd di atas, kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan zakat perniagaan adalah kaedah modal kerja. Kaedah ini mengambil kira wang tunai, nilai barang perniagaan, jumlah hutang sebenar yang pasti dapat dikutip daripada penghutang; manakala jumlah hutang lapuk yang telah pasti tidak dapat dikutip perlu ditolak daripada jumlah penghutang tersebut. Zakat kemudiannya dikenakan ke atas baki pada kadar 2.5 peratus. Kaedah modal kerja ini disokong beberapa tabi’in lain antaranya Hasan al-Basri dan Ibrahim al-Nakha’i (Yusuf al-Qaradawi, 1999).

### Asas Perakaunan Zakat Perniagaan bagi perniagaan berdasarkan Perkhidmatan Perbankan Islam

Bagi perkhidmatan perbankan Islam, asas perakaunan zakat perniagaan dibentuk berdasarkan kaedah aset berkembang. Persamaan perakaunan iaitu aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa bagi memperoleh aset bersih digunakan sebagai asas pembentukan formula taksiran zakat perniagaan bagi perkhidmatan perbankan Islam. Oleh itu, aset semasa dan liabiliti semasa sahaja akan dianalisa sebagai asas perakaunan zakat perniagaan kerana perniagaan

institusi perbankan menyediakan produk dalam bentuk perkhidmatan. Aset bukan semasa dan liabiliti bukan semasa sesuai bagi asas perakaunan zakat perniagaan dibentuk berdasarkan kaedah modal berkembang.

**Jadual 1:**  
Ekuiti Pemilik

BIL	EKUITI PEMILIK	KETERANGAN
1	Modal Syer	
2	Rizab berkanun / rizab ekuiti / rizab kawal selia / lain-lain rizab	Modal dan dana pemegang saham terdiri daripada modal syer, dana pemegang saham, rizab hasil, rizab berkanun, rizab ekuiti, rizab kawalselia, lain-lain rizab dan keuntungan atau kerugian terkumpul. Item ini dikenakan zakat kerana merupakan sumber modal perniagaan.
3	Pendapatan Tertunda	Keuntungan semasa adalah rumusan daripada Penyata Untung Rugi dan nilainya diambil kira di dalam nilai keuntungan terkumpul di Penyata Kedudukan Kewangan yang masih berbaki dalam aset semasa akan diambil kira dalam taksiran zakat.

**Jadual 2:**  
Liabiliti Bukan Semasa

BIL	LIABILITI BUKAN SEMASA	KETERANGAN
1	Dana kerajaan diuruskan oleh Bank	
2	Deposit al-Wadiah	
3	Deposit al-Mudharabah	Liabiliti jangka panjang bagi institusi perbankan Islam adalah seperti dana kerajaan diuruskan oleh Bank dan deposit pelanggan tidak dibenarkan tolakan kerana merupakan sebahagian sumber modal yang dikenakan zakat. Ia merupakan liabiliti kewangan yang menjadi milik sempurna perniagaan.

**Jadual 3:**  
Aset Tetap dan Aset Bukan Semasa

BIL	ASET TETAP DAN ASET BUKAN SEMASA	KETERANGAN
1	Hartanah dan Peralatan	Aset tetap seperti bangunan, kenderaan dan mesin yang tidak diniatkan untuk diniagakan dikecualikan daripada zakat. Aset ini merupakan keperluan menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, hasil yang diperoleh dari aset tetap yang produktif hendaklah dikenakan zakat.
2	Sekuriti dipegang untuk dagangan (Held-for-Trading (HFT))	
3	Sekuriti sedia untuk dijual (Available for Sale (AFS))	
4	Sekuriti dipegang hingga matang (Held to Maturity (HTM))	Pelaburan jangka masa panjang adalah aset bukan semasa, sama ada dalam saham atau sekuriti yang diniagakan dan yang tidak diniagakan, dalam syarikat subsidiari, bon korporat dan sekuriti komersial. Aset bukan semasa ini tidak dikenakan zakat pelaburan yang memenuhi syarat-syarat aset semasa sahaja yang akan ditaksirkan zakat.
5	Pelaburan dalam syarikat subsidiari	
6	Pelaburan bon korporat	
7	Pelaburan sekuriti komersial	

**Jadual 4:**  
Aset Semasa

BIL	ASET SEMASA	KETERANGAN
1	Tunai dan tabungan jangka pendek (Cash and short term funds)	
2	Deposit dan simpanan di institusi kewangan (Deposits and placement with banks and other financial institutions)	Tunai, tabungan jangka pendek, deposit dan simpanan di institusi kewangan memenuhi ciri al-nama' dimana ia merupakan aset yang produktif dan mudah dicairkan. Berdasarkan hukum fiqh, terdapat pemilikan sempurna ke atas tunai dan tabungan jangka pendek. Oleh itu, item ini diwajibkan zakat.
3	Pembiayaan penempatan akaun pelaburan (Investment accounts placement- financing)	Pembiayaan secara akaun pelaburan juga merupakan aset yang produktif. Namun begitu, hanya pelaburan yang tidak berasaskan riba yang diwajibkan zakat.
4	Aset pembiayaan	Pembiayaan dan penerimaan merangkumi kontrak murabahah, ijarah dan musharakah. Kontrak-kontrak ini pada mulanya diiktiraf pada nilai wajar (fair value), termasuk kos langsung dan peningkatan kos urusniaga, dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah hasil efektif. Diwajibkan zakat kerana aset yang produktif dan mempunyai ciri sempurna milik.
5	Kewangan dan pendahuluan	Diwajibkan zakat kerana aset yang produktif dan mempunyai ciri sempurna milik.
6	Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia	Dikenakan zakat sekiranya dikategorikan sebagai aset semasa. Zakat diwajibkan setelah deposit berkanun di BNM diterima semula oleh perniagaan dan zakat hanya dikenakan sekali sahaja iaitu dalam tahun deposit diterima.
7	Pelaburan dalam subsidiari	
8	Pelaburan dalam kesatuan	Sekuriti niaga dan pelaburan dalam subsidiari atau kesatuan adalah wajib dizakatkan.

**Jadual 5:**  
Liabiliti Semasa

BIL	LIABILITI SEMASA	KETERANGAN
1	Deposit Islam daripada pelanggan (Islamic deposits from customers)	
2	Deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain (Deposits and placements of banks and other financial institutions)	Deposit Islam daripada pelanggan, deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain dan akaun pelaburan pelanggan tidak dikenakan zakat. Tanggungjawab zakat adalah ke atas pendeposit dan pelabur.
3	Akaun pelaburan pelanggan (Investment accounts of customers)	
4	Akaun pelaburan disebabkan oleh institusi kewangan yang ditetapkan (Investment account due to designated financial institutions)	
5	Liabiliti kewangan	Wajib dizakatkan kerana mempunyai ciri sempurna milik kepada peminjam.
6	Overdraft Bank	

## Asas Perakaunan Zakat Perniagaan bagi Perniagaan Koperasi

Bagi perkhidmatan perniagaan koperasi, asas perakaunan zakat perniagaan boleh dibentuk berdasarkan kaedah modal berkembang atau kaedah modal kerja. Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi menyatakan bahawa koperasi boleh memilih mana-mana kaedah apabila syarat cukup haul dan nisab telah dipenuhi oleh koperasi. Selain itu, pelarasan item-item tertentu hendaklah dibuat supaya taksiran zakat perniagaan koperasi

adalah betul, tepat dan mematuhi prinsip syariah. Bagaimanapun, sekiranya koperasi mengakaunkan zakat yang dibayar berasaskan Akaun Untung Rugi, ia dibenarkan oleh garis panduan tersebut. Persamaan perakaunan iaitu aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa bagi memperoleh aset bersih digunakan sebagai asas pembentukan formula taksiran zakat perniagaan bagi koperasi. Namun begitu, keseluruhan item aset tetap, aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa dan ekuiti pemilik dianalisa secara terperinci dalam pembentukan asas perakaunan zakat perniagaan koperasi.

**Jadual 6:**  
Aset Tetap Dan Aset Bukan Semasa

BIL	ASET TETAP DAN ASET BUKAN SEMASA	KETERANGAN
1	Harta Tanah, Loji dan Peralatan	Aset tetap seperti bangunan, kenderaan dan mesin yang tidak diniatkan untuk diniagakan dikecualikan daripada zakat. Aset ini merupakan keperluan menjalankan perniagaan. Walaubagaimanapun, hasil yang diperoleh dari aset tetap yang produktif hendaklah dikenakan zakat.
2	Geran/Bantuan	Geran/ bantuan yang diperolehi oleh koperasi tidak dikenakan zakat. Ini kerana geran digunakan bagi menyokong operasi perniagaan operasi.
3	Pelaburan Dalam Syer Siar Harga Dan Tak Siar Harga	Aset bukan semasa seperti pelaburan saham dalam syer yang tidak diniatkan untuk diniagakan dikecualikan daripada zakat. Namun, hasil pelaburan seperti dividen hendaklah diambil kira dalam taksiran zakat.
4	Kepentingan Dalam Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu	Tidak diwajibkan zakat kerana kepentingan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu disamataraf dengan harta tetap dan bukan untuk diniagakan. Pembelian kepentingan adalah bagi maksud mendapatkan hasil dividen.
5	Pelaburan Hartanah Dan Pelaburan Lain	Pelaburan harta tanah adalah harta tanah (tanah atau dan bangunan) bagi tujuan memperoleh sewaan atau peningkatan nilai harta tanah atau kedua-duanya dan bukan untuk tujuan perniagaan. Hasil pelaburan harta tanah diwajibkan zakat.
6	Pelaburan Dalam Usaha Sama	Hasil pelaburan dalam usaha sama diwajibkan zakat.
7	Pinjaman Atau Pembiayaan (Anggota Dan Bukan Anggota)	Tidak diwajibkan zakat kerana tiada milikan sempurna ke atas pinjaman atau pembiayaan jangka panjang.
8	Lain-Lain Aset Bukan Semasa	Tidak diwajibkan zakat kerana aset bukan semasa digunakan untuk operasi perniagaan.

**Jadual 7:**  
Aset Semasa

BIL	ASET SEMASA	KETERANGAN
1	Inventori	Stok niaga merupakan harta yang mudah dicairkan dalam tempoh setahun dan wajib dizakatkan. Stok bahan mentah dan kerja-kerja dalam proses tidak wajib dizakatkan kerana belum menjadi urud al-tijarah iaitu tidak sedia dijual.
2	Penghutang Perdagangan	Hanya penghutang bersih yang diyakini dapat dikutip hutang darinya akan dikenakan zakat. Hutang lapuk tidak dikenakan zakat.
3	Pelaburan Jangka Pendek	Pelaburan dalam tempoh jangka pendek sahaja yang diwajibkan zakat. Ini kerana pelaburan jangka pendek akan berubah bentuk kepada aset yang sangat cair dengan nilai yang boleh dikembangkan.
4	Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori Atau Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)	Aset kumpulan wang rizab statutori wajib dizakatkan kerana aset yang produktif dan mempunyai ciri sempurna milik.

BIL	ASET SEMASA	KETERANGAN
5	Pelbagai Penghutang	Penghutang lain yang terbit selain daripada urusniaga dagangan seperti pendahuluan kepada ahli lembaga. Kewajipan zakat tertakluk kepada penerimaan sebenar.
6	Deposit Tetap Atau Pelaburan Mudharabah Dan Wang di Bank	Wajib dizakatkan kerana aset yang produktif dan mempunyai ciri sempurna milik.
7	Simpanan Atau Deposit	

**Jadual 8:**  
Liabiliti Semasa

BIL	LIABILITI SEMASA	KETERANGAN
1	Pemiutang Perdagangan	Merupakan liabiliti operasi yang tidak dikenakan zakat keatasnya.
2	Fi Audit Suruhanjaya	Fi audit adalah liabiliti operasi ke atas kerja-kerja pengauditan. Oleh itu, fi audit tidak dikenakan zakat.
3	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	Kumpulan wang ini diwujudkan untuk memberi manfaat kepada ahli koperasi. Menurut Akta Koperasi 1993, sekiranya koperasi memperoleh keuntungan, maka koperasi diwajibkan membayar ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Kedua-dua item ini tidak diwajibkan zakat kerana kumpulan wang ini akan dimanfaatkan oleh ahli koperasi dan koperasi juga tidak mempunyai milikan penuh ke atasnya.
4	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	
5	Pinjaman Luar	
6	Dividen	
7	Honorarium	
8	Overdraft Bank	
9	Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan	Hutang pembiayaan juga adalah milik sempurna

**Jadual 9:**  
Liabiliti Bukan Semasa

BIL	LIABILITI BUKAN SEMASA	KETERANGAN
1	Pinjaman berjangka panjang	Liabiliti jangka panjang tidak dibenarkan ditolak kerana merupakan sebahagian sumber modal yang dikenakan zakat. Kebiasaanliabiliti jangka panjang digunakan sebagai pembiayaan untuk memperoleh aset tetap.
2	Pembiayaan sewa beli	

**Jadual 10:**  
Ekuiti Pemilik

BIL	EKUITI PEMILIK	KETERANGAN
1	Modal Syer Anggota, Syer Bonus Dan Modal Yuran Anggota	Modal syer, modal yuran dan tabung/ dana pemegang saham oleh anggota koperasi merupakan sumber perniagaan. Item ini dikenakan zakat kerana merupakan harta yang produktif.
2	Modal Syer Ditebus dan Modal Syer Bonus Ditebus	
3	Akaun Rizab Modal	Rizab modal dan rizab penilaian semula juga dikena zakat.
4	Akaun Rizab Penilaian Semula	
5	Kumpulan Wang Penebusan Syer Dan Syer Bonus	Kumpulan Wang Rizab dan Pendapatan Tertunda juga merupakan sumber perniagaan yang produktif. Maka, Kumpulan wang ini wajib dizakatkan.
6	Kumpulan Wang Rizab dan Pendapatan Tertunda	

## BAHAGIAN 4

# Amalan Pelaporan Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dan Koperasi

Bahagian ini merangkumi dapatan kajian dan perbincangan yang mendalam berasaskan data kajian yang telah diperolehi daripada institusi perbankan Islam yang tersenarai di Bursa Malaysia dan koperasi. Institusi-institusi yang dipilih di dalam kajian ini telah melaporkan zakat perniagaan masing-masing di dalam laporan tahunan bagi tahun 2018. Penyata kewangan institusi perbankan Islam yang dipilih telah dianalisis bagi mengenalpasti tahap pendedahan dan amalan pelaporan zakat perniagaan seperti yang digariskan di dalam “Financial Reporting for Islamic Banking Institutions”. Bagi perniagaan koperasi, analisis ke atas amalan pelaporan zakat perniagaan dibuat bagi menilai tatacara perakaunan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh koperasi mengikut GP23 iaitu Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

### Analisis Pelaporan Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam

Berdasarkan laporan tahunan institusi perbankan Islam bagi tempoh berakhir 2018, analisis ke atas pelaporan zakat perniagaan yang merangkumi model taksiran zakat, kadar atau asas zakat yang digunakan, penyataan tentang tanggungjawab menunaikan zakat dan maklumat agihan zakat yang dikeluarkan oleh institusi telah dibuat ke atas enam belas institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Ringkasan dapatan kajian ditunjukkan seperti dalam Jadual 4:

**Jadual 11:**

Pelaporan Zakat Perniagaan oleh Institusi Perbankan Islam di Dalam Laporan Tahunan Bagi Tahun Berakhir 2018

Bil	Nama Bank	Model Taksiran	Kadar Zakat	Penyataan Tentang Tanggungjawab Menunaikan Zakat	Maklumat Agihan Zakat
1.	Affin Islamic Bank Berhad	Kaedah Aset Berkembang (Asset Growth Method)	2.5775%	Dinyatakan di dalam “Director’s Report”	Dinyatakan di dalam Laporan Tahunan
2.	Ambank Islamic Berhad	Kaedah Untung Rugi (Profit and Loss Method)	2.5%	Dinyatakan di dalam “Shariah Committee’s Report”	Dinyatakan di dalam Laporan Tahunan
3.	Bank Islam Malaysia Berhad	Kaedah Modal Berkembang (Capital Growth Method)	2.5%	Dinyatakan di dalam “Report of The Shariah Supervisory Council”	Dinyatakan di dalam Laporan Tahunan
4.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Kaedah Model Berkembang (Growth Model Method)	2.5%	Dinyatakan di dalam “Disclosure Shariah Committee”	Tidak dinyatakan
5.	Hong Leong Islamic Bank Berhad	Kaedah Aset Bersih (Net Asset Method)	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di dalam “Shariah Committee’s Report” dan ringkasan polisi perakaunan yang signifikan	Tidak dinyatakan
6.	Maybank Islamic Berhad	Kedah Berkembang Terselaras (Adjusted Growth Method)	2.5%	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat. Zakat ditentukan oleh Komiti Zakat dan jumlah zakat tertakluk kepada kelulusan Komiti Syariah	Tidak dinyatakan
7.	Kenanga Investment Bank Berhad	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat	Tidak dinyatakan
8.	CIMB Group Holdings Berhad	Kedah Berkembang Diselaraskan (Adjusted Growth Method)	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di dalam “Director’s Report”	Tidak dinyatakan
9.	HSBC Amanah Malaysia Berhad	Tiada kewajipan berzakat	Tiada kewajipan berzakat	Pemegang-pemegang saham menyatakan bahawa mereka tiada kewajipan berzakat	Tiada kewajipan berzakat

Bil	Nama Bank	Model Taksiran	Kadar Zakat	Penyataan Tentang Tanggungjawab Menunaikan Zakat	Maklumat Agihan Zakat
10.	Public Islamic Bank Berhad	Kaedah Untung Rugi (Profit and Loss Method)	2.5%	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap kewajipan zakat	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap kewajipan zakat
11.	MBSB	Kaedah Modal Kerja (Working Capital Method)	2.5%	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat
12.	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Kaedah Simpanan Permulaan daripada KFH (Malaysia) ("Opening Reserve Method of KFH (Malaysia)")	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di dalam "Disclosure Shariah Committee"	Tidak dinyatakan
13.	OCBC Al Amin Berhad	Kaedah Modal Berkembang (Growth Capital Method)	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap sumbangan zakat	Dinyatakan di dalam "Shariah Committee's Report"
14.	RHB Islamic Bank Berhad	Kaedah Modal Kerja (Working Capital Method)	2.5%	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat	Dinyatakan di bawah "Basel II Pillar 3 Disclosures"
15.	Al Rajhi Banking and Investment Corporation (Malaysia) Bhd.	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat	Tidak dinyatakan
16.	Alliance Islamic Bank Berhad	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Dinyatakan di bawah kalender aktiviti utama

Berdasarkan jadual 11 diatas, analisis ke atas 16 buah institusi perbankan Islam menunjukkan model taksiran zakat perniagaan yang digunakan adalah berbeza-beza. Kaedah seperti aset berkembang, modal berkembang, kaedah berkembang terselaras dan kaedah untung rugi telah digunakan dalam taksiran zakat perniagaan. Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan institusi perbankan Islam (31%) menggunakan kaedah Modal Berkembang (Growth Capital Method). Sebanyak 25% institusi perbankan Islam menggunakan kaedah Aset Berkembang (Growth Asset Method). Tiga buah institusi perbankan Islam (19%) tidak menyatakan kaedah taksiran zakat perniagaan yang digunakan. Terdapat juga sebuah institusi kewangan (6%) yang menggunakan kaedah simpanan permulaan (Opening reserve) dimana ia merupakan kaedah yang diiktiraf oleh institusi itu sendiri di ibu pejabat di luar negara dan cawangannya di Malaysia. Terdapat tiga buah institusi (19%) tidak menyatakan model taksiran yang digunakan dalam pengiraan zakat perniagaan walaupun perniagaan mengeluarkan zakat perniagaan. Ini menunjukkan bahawa pendedahan maklumat berkaitan zakat perniagaan adalah tidak lengkap dan kurang berkualiti sekaligus tidak memenuhi keperluan standard pelaporan kewangan Islam.

Sebuah institusi kewangan Islam telah mendedahkan secara jelas di dalam penyata kewangan bahawa institusi tersebut tidak wajib menunaikan zakat perniagaan. Pendedahan ini selaras dengan keperluan yang digariskan di dalam dokumen polisi dimana institusi kewangan Islam yang tidak membayar zakat juga mestinya mendedahkan kenyataan tentang ketiadaan kewajipan berzakat oleh institusi di dalam penyata kewangan. Sebanyak 7 buah institusi perbankan Islam (46%) tidak melaporkan kadar asas zakat walaupun terdapat penyataan terhadap pelaksanaan kewajipan zakat didalam laporan tahunan. Oleh itu, pendedahan berkaitan

pelaporan zakat perniagaan berada pada tahap yang tidak mencapai keperluan minimum. Kualiti maklumat zakat yang didedahkan berada pada tahap yang rendah disebabkan tiadanya penjelasan lanjut tentang zakat perniagaan yang telah ditunaikan. Kesannya, pengguna penyata kewangan tidak dapat membuat perbandingan dan penilaian terhadap kedudukan dan prestasi kewangan institusi kewangan Islam.

Kesemua institusi telah mendedahkan penyataan berkenaan tanggungjawab menunaikan zakat perniagaan sama ada di dalam Laporan Pengarah, Laporan Komiti Syariah, atau dinyatakan di bawah polisi perakaunan terhadap zakat kecuali sebuah institusi sahaja yang tidak mendedahkan kaedah taksiran zakat, kadar zakat dan penyataan berkenaan tanggungjawab menunaikan zakat perniagaan. Walaubagaimanapun, institusi tersebut ada mendedahkan maklumat berkenaan agihan zakat di bawah kalender aktiviti utama institusi bagi tahun 2018. Hanya tujuh institusi perbankan Islam (46%) yang mendedahkan maklumat agihan zakat yang dilaksanakan sendiri oleh institusi.

Secara keseluruhannya, pelaporan yang didedahkan didapati masih belum mencapai keperluan minimum pelaporan seperti yang dinyatakan di dalam dokumen polisi "Financial Reporting for Islamic Banking Institutions". Sebagai institusi perbankan Islam yang beroperasi berlandaskan undang-undang Syariah, pendedahan dan pelaporan perakaunan zakat perniagaan yang telus dan menyeluruh seharusnya dilaksanakan tanpa sebarang halangan. Ia bukan sahaja mampu menarik minat pelanggan bermuamalah dengan institusi perbankan yang melaksanakan tanggungjawab zakat, malah memberikan impak yang besar kepada perniagaan kerana telah menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah.

## Analisis Pelaporan Zakat Perniagaan bagi Koperasi

Analisa laporan tahunan yang diperolehi secara atas talian terhadap tiga buah koperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menunjukkan tahap pelaporan perakaunan zakat perniagaan amat minimum. Analisa ini juga amat terhad kerana kebanyakan koperasi di Wilayah Persekutuan tidak mendedahkan laporan tahunan koperasi kepada umum.

Berdasarkan Jadual 12, Koperasi Profesional Putrajaya Berhad telah mendedahkan pelaporan zakat perniagaan bagi tempoh berakhir 2017 secara menyeluruh. Formula taksiran zakat perniagaan koperasi yang menggunakan kaedah modal kerja

ditunjukkan dengan terperinci. Pelarasannya atas item aset semasa dan liabiliti semasa juga dibentangkan beserta keterangan ringkas bagi pelarasannya yang dibuat. Selain itu, penyataan berkenaan tanggungjawab menunaikan zakat perniagaan dan maklumat berkenaan agihan zakat juga didedahkan kepada umum. Koperasi Profesional Putrajaya Berhad telah mengikuti standard dan mematuhi tatatcara kewangan seperti yang diperuntukkan di dalam GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Koperasi TNB telah menggunakan kaedah untung bersih dalam menaksir zakat perniagaannya tetapi kadar zakat tidak dinyatakan. Koperasi memperakulkan bahawa pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah dan mendedahkan agihan sendiri zakat yang telah dibuat sepanjang tahun 2018.

### Jadual 12:

Pelaporan Zakat Perniagaan oleh Koperasi di Dalam Laporan Tahunan Bagi Tahun Berakhir 2017 dan 2018

Bil	Nama Bank	Model Taksiran	Kadar Zakat	Penyataan Tentang Tanggungjawab Menunaikan Zakat	Maklumat Agihan Zakat
1.	Koperasi Profesional Putrajaya Berhad	Kaedah modal kerja	2.5%	Menyatakan koperasi membayar zakat terlebih dahulu sebelum mengagihkan dividen kepada anggota koperasi	Dinyatakan di dalam laporan Lembaga Koperasi
2.	Koperasi Tenaga Nasional Berhad (TNB)	Kaedah untung bersih dan pembayaran zakat perniagaan dikira berdasarkan jumlah Modal Syer dan Modal Yuran anggota Muslim	Tidak dinyatakan	Koperasi memperakunkan pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah	Koperasi mengagihkan sendiri 3/8 bahagian dari zakat perniagaan koperasi sepanjang tempoh 2018. Agihan zakat telah dibuat berdasarkan garis panduan PPZ.
3.	Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan

## Templat Taksiran/ Perakaunan Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dan Koperasi

Setelah mengenalpasti kaedah taksiran zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia, bahagian ini mengemukakan format atau templat pengiraan zakat perniagaan bagi institusi perkhidmatan perbankan Islam dan koperasi yang komprehesif dan praktikal.

### Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Modal Berkembang

Taksiran zakat perniagaan berasaskan kaedah modal berkembang mengambil kira modal pemilik, liabiliti

bukan semasa dan deposit pelanggan. Setelah jumlah item-item ini diperoleh, jumlah aset tetap dan pelaburan perlu ditolak bagi memperoleh nilai aset bersih sebelum pelarasan. Seterusnya, pelarasan ke atas transaksi yang berlaku dalam tahun taksiran semasa perlu dilaksanakan bagi memperoleh nilai aset bersih selepas pelarasan. Setelah itu, peratusan ekuiti pemilikan muslim dalam dana milik bank perlu dikenalpasti dan akhirnya jumlah tersebut didarab dengan kadar zakat 2.5%. Templat taksiran zakat perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Modal Berkembang ditunjukkan seperti berikut:

### Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Modal Berkembang

<b>TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM BAGI TEMPOH BERAKHIR 20X</b>		
<b>KAEDAH MODAL BERKEMBANG (GROWTH CAPITAL METHOD)</b>		
MODAL PEMILIK	RM	RM
Modal syer	XX	
Rizab berkanun	XX	
Pendapatan tertahan	XX	
<b>TAMBAH: LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		XX
Dana kerajaan diuruskan oleh Bank	XX	
<b>TAMBAH: DEPOSIT PELANGGAN</b>		XX
Deposit al-Wadiah	XX	
Deposit al-Mudharabah	XX	
		XX
<b>TOLAK: ASET TETAP</b>		
Hartanah dan peralatan	XX	
<b>TOLAK: PELABURAN</b>		
Sekuriti dipegang untuk dagangan	XX	

Sekuriti sedia untuk dijual		xx
Sekuriti dipegang hingga matang		xx
Pelaburan dalam syarikat subsidiari		xx
Pelaburan bon korporat		xx
Pelaburan sekuriti komersial		xx
		(xx)
<b>(A) ASET BERSIH SEBELUM PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
TAMBAH: PELARASAN		
Pelbagai pembiayaan (sempurna milik)		xx
Overdraft, nota belum bayar dan instrumen kewangan jangka pendek (sumber pembiayaan dan sempurna milik)		xx
Cukai tertunggak (sempurna milik)		xx
Dividen belum bayar (sempurna milik)		xx
Pulangan atas yuran anggota (sempurna milik)		xx
Honorarium belum bayar (sempurna milik)		xx
		xx
<b>TOLAK: PELARASAN</b>		
Aset bekalan pejabat (aset bukan diniagakan)		xx
Deposit berkanun di BNM (tidak sempurna milik)		xx
Deposit tetap bank dan sekuriti boleh pasar yang dicagarkan (tidak sempurna milik)		xx
Pelbagai penghutang (tidak sempurna milik)		xx
Dana kebaikan (aset bukan diniagakan)		xx
Dividen diterima dari sumber yang telah dizakatkan (elak zakat dua kali)		xx
Cukai boleh tuntut (tidak sempurna milik)		xx
Peruntukan hutang ragu/ lapuk (tidak sempurna milik)		xx
Hasil dividen dan faedah dari sumber haram (tidak syar'ie)		xx
		(xx)
<b>(B) ASET BERSIH SELEPAS PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
Melebihi nisab 202X		
<b>(C) EKUITI PEMILIKAN MUSLIM DALAM DANA MILIK BANK (%)</b>		<b>100%</b>
<b>(D) KADAR ZAKAT (%)</b>		<b>2.5%</b>
<b>(E) JUMLAH ZAKAT [(B) X (C) X (D)]</b>		<b>XXX</b>

## Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Aset Berkembang

Taksiran zakat perniagaan berdasarkan kaedah aset berkembang mengambil kira perbezaan jumlah aset semasa dan liabiliti semasa sahaja. Setelah nilai aset bersih sebelum pelarasan diperoleh, pelarasan

ke atas transaksi yang berlaku dalam tahun taksiran semasa perlu dilaksanakan bagi memperoleh nilai aset bersih selepas pelarasan. Setelah itu, peratusan ekuiti pemilikan muslim dalam dana milik bank perlu dikenalpasti dan akhirnya jumlah tersebut didarab dengan kadar zakat 2.5%. Templat taksiran zakat perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Aset Berkembang ditunjukkan seperti berikut:

### Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Institusi Perbankan Islam dengan Kaedah Aset Berkembang

<b>TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM BAGI TEMPOH BERAKHIR 20X</b>		
<b>KAEDAH ASET BERKEMBANG (GROWTH ASSET METHOD)</b>		
<b>ASET SEMASA</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Tunai dan tabungan jangka pendek	xx	
Deposit dan simpanan di institusi kewangan	xx	
Pembiayaan penempatan akaun pelaburan	xx	
Aset kewangan	xx	
Kewangan dan pendahuluan	xx	
Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia	xx	
Pelaburan dalam subsidiari	xx	
Pelaburan dalam kesatuan	xx	
		xx
<b>TOLAK: LIABILITI SEMASA</b>		
Deposit daripada pelanggan Islam	xx	
Akaun pelaburan pelanggan	xx	
Deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	xx	
Akaun pelaburan disebabkan oleh institusi kewangan yang ditetapkan	xx	
Liabiliti kewangan	xx	
		(XX)
<b>(A) ASET BERSIH SEBELUM PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
<b>TAMBAH: PELARASAN</b>		
Pelbagai pemutang (sempurna milik)	xx	
Overdraft, nota belum bayar dan instrumen kewangan jangka pendek (sumber pembiayaan dan sempurna milik)	xx	
Cukai tertunggak (sempurna milik)	xx	
Dividen belum bayar (sempurna milik)	xx	
Pulangan atas yuran anggota (sempurna milik)	xx	
Honorarium belum bayar (sempurna milik)	xx	
		xx
<b>TOLAK: PELARASAN</b>		
Aset bekalan pejabat (aset bukan diniagakan)	xx	
Deposit berkanun di BNM (tidak sempurna milik)	xx	

Deposit tetap bank dan sekuriti boleh pasar yang dicagarkan (tidak sempurna milik)	xx	
Pelbagai pengutang (tidak sempurna milik)	xx	
Dana kebaikan (aset bukan diniagakan)	xx	
Dividen diterima dari sumber yang telah dizakatkan (elak zakat dua kali)	xx	
Cukai boleh tuntut (tidak sempurna milik)	xx	
Peruntukan hutang rugu/ lapuk (tidak sempurna milik)	xx	
Hasil dividen dan faedah dari sumber haram (tidak syar'ie)	xx	(XX)
<b>(B) ASET BERSIH SELEPAS PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
Melebihi nisab 202X		
<b>(C) EKUITI PEMILIKAN MUSLIM DALAM DANA MILIK KOPERASI (%)</b>		<b>X%</b>
<b>(D) KADAR ZAKAT (%)</b>		<b>2.5%</b>
<b>(E) JUMLAH ZAKAT [(B) X (C) X (D)]</b>		<b>XXX</b>

## Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Koperasi

Taksiran zakat perniagaan berdasarkan kaedah modal kerja bagi perniagaan koperasi mengambil kira perbezaan jumlah aset semasa dan liabiliti semasa sahaja. Setelah nilai aset bersih sebelum pelarasan diperoleh, pelarasan ke atas transaksi yang berlaku

dalam tahun taksiran semasa perlu dilaksanakan bagi memperoleh nilai aset bersih selepas pelarasan. Setelah itu, peratusan ekuiti pemilikan muslim dalam dana milik koperasi perlu dikenalpasti dan akhirnya jumlah tersebut didarab dengan kadar zakat 2.5%. Templat taksiran zakat perniagaan bagi perniagaan koperasi dengan Kaedah Modal Kerja ditunjukkan seperti berikut:

### Templat Taksiran Zakat Perniagaan bagi Koperasi

TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN KOPERASI BAGI TEMPOH BERAKHIR 202X		
KAE DAH MODAL KERJA (WORKING CAPITAL METHOD)		
ASET SEMASA	RM	RM
Aset simpanan kumpulan wang statutori	xx	
Stok akhir	xx	
Pengutang dagangan	xx	
Pelaburan jangka pendek	xx	
Projek dalam pelaksanaan (Jangka pendek)	xx	
Pelbagai pengutang dan deposit	xx	
Pinjaman anggota koperasi	xx	
Pinjaman bukan anggota	xx	
Deposit tetap di institusi kewangan berlesen	xx	
Saham di institusi kewangan berlesen	xx	
Wang dibank dan ditangkan	xx	
		xx

<b>TOLAK: LIABILITI SEMASA</b>		
Pembiayaan berjangka	xx	
Simpanan anggota	xx	
Simpanan bukan anggota	xx	
Pinjaman dari SKM	xx	
Pinjaman dari lain-lain institusi kewangan	xx	
Fi audit suruhanjaya	xx	
Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi	xx	
Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi	xx	
Dividen	xx	
Pembiayaan sewa beli	xx	
Pelbagai pembiayaan dan akruan	xx	
Peruntukan honorarium lembaga	xx	
Overdraft bank	xx	
		(XX)
<b>(A) ASET BERSIH SEBELUM PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
<b>TAMBAH: PELARASAN</b>		
Pelbagai pembiayaan (sempurna milik)	xx	
Overdraft, nota belum bayar dan instrumen kewangan jangka pendek (sumber pembiayaan dan sempurna milik)	xx	
Cukai tertunggak (sempurna milik)	xx	
Dividen belum bayar (sempurna milik)	xx	
Pulangan atas yuran anggota (sempurna milik)	xx	
Honorarium belum bayar (sempurna milik)	xx	
		XX
<b>TOLAK: PELARASAN</b>		
Stok bahan mentah dan stok kerja dalam proses (aset belum sedia diniagakan)	xx	
Aset bekalan pejabat (aset bukan diniagakan)	xx	
Deposit tetap bank dan sekuriti boleh pasar yang dicagarkan (tidak sempurna milik)	xx	
Pelbagai penghutang (tidak sempurna milik)	xx	
Dana kebajikan (aset bukan diniagakan)	xx	
Dividen diterima dari sumber yang telah dizakatkan (elak zakat dua kali)	xx	
Cukai boleh tuntut (tidak sempurna milik)	xx	
Peruntukan hutang ragu/ lapuk (tidak sempurna milik)	xx	
Hasil dividen dan faedah dari sumber haram (tidak syar'ie)	xx	(XX)
<b>(B) ASET BERSIH SELEPAS PELARASAN</b>		<b>XXX</b>
Melebihi nisab 202X		
<b>(C) EKUITI PEMILIKAN MUSLIM DALAM DANA MILIK KOPERASI (%)</b>		<b>X%</b>
<b>(D) KADAR ZAKAT (%)</b>		<b>2.5%</b>
<b>(E) JUMLAH ZAKAT [(B) X (C) X (D)]</b>		<b>XXX</b>

## BAHAGIAN 6

### Kesimpulan

Bahagian ini akan merumuskan dapatan kajian. Objektif kajian yang digariskan telah tercapai dan beberapa saranan kepada institusi zakat telah dicadangkan. Kajian lanjutan juga dikemukakan bagi meneroka dapatan baru berkaitan taksiran zakat institusi perbankan Islam dan koperasi.

### Rumusan

Perakaunan zakat perniagaan mengikut pelbagai bentuk perniagaan perlu disediakan agar taksiran zakat yang tepat, telus, adil dan menepati syariah. Bahkan, bagi perniagaan yang berada dalam perkhidmatan yang sama seperti perbankan dan kewangan Islam, kaedah taksiran zakat perniagaan yang berbeza-beza perlu digunakan dan hendaklah bersesuaian dengan aktiviti perniagaan yang terlibat. Institusi perbankan adalah antara salah satu institusi perniagaan yang terdedah kepada unsur-unsur syubhab dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah (JAWHAR,2010). Justeru itu, tanggungjawab menunaikan zakat bagi institusi perbankan Islam perlu dibuat secara teliti, telus dan penuh berhati-hati. Ia amat penting bagi mengelakkan sumber-sumber yang tidak layak dan sumber yang haram diambilkira dalam taksiran zakat.

Dari aspek pentaksiran zakat perniagaan, pelarasan item merupakan komponen yang perlu diberi perhatian dan mestilah mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan. Keseragaman pelarasan antara institusi perbankan Islam merupakan faktor penting yang menjamin ketepatan taksiran zakat perniagaan. Hal ini disebabkan terdapat item-item aset, liabiliti dan ekuiti pemilik di dalam persamaan perakaunan yang perlu dianalisa secara terperinci dan dibuat pelarasan samaada item-item tersebut wajib dikenakan zakat atau sebaliknya. Sekiranya pelarasan ke atas sesuatu item yang sama dibuat dengan tidak seragam, ia akan memberi kesan kepada jumlah zakat yang dikenakan ke atas perniagaan.

Pengukuran dan pengiktirafan aset dan liabiliti yang dikenakan zakat dan pelarasannya perlu diteliti dan dianalisa bagi memastikan taksiran zakat perniagaan yang betul, tepat dan adil. Hal ini penting agar entiti perniagaan tidak merasa terbeban dan mampu melaksanakan tanggungjawab zakat dengan sempurna. Selain itu, kualiti maklumat pelaporan perakaunan zakat perniagaan perlu ditingkatkan melalui pendedahan dan pembentangan maklumat berkaitan taksiran zakat secara transparensi dan menyeluruh. MIA, (2020) dan BNM, (2018) telah menggariskan panduan pengukuran dan pengiktirafan serta pendedahan dan pembentangan maklumat berkaitan asas zakat, belanja zakat, aset dan liabiliti perniagaan yang dikenakan zakat di dalam laporan tahunan bagi institusi perbankan Islam. Selain itu, Manual Pengurusan Zakat Perbankan yang diterbitkan oleh JAWHAR masih relevan digunakan sebagai panduan taksiran zakat perniagaan institusi perbankan Islam. Pihak pembuat dasar dan pengawalselia institusi perbankan seperti BNM dan SC disaran agar menetapkan satu polisi yang mewajibkan zakat perniagaan bagi entiti perniagaan yang tersenarai sebagai syarikat patuh syariah (Syariah Compliant Company). Taksiran zakat khususnya bagi institusi perbankan Islam boleh dibuat secara automatik berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit. Seterusnya, pihak institusi zakat perlu mengaudit dan mengesahkan taksiran yang dibuat adalah tepat, adil dan telus.

Berdasarkan analisis ke atas laporan tahunan perniagaan institusi kewangan dan perbankan Islam terpilih, amalan pelaporan zakat perniagaan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam berada pada tahap yang rendah. Pelaporan perakaunan zakat perniagaan yang didedahkan didapati masih belum memenuhi keperluan minimum pelaporan seperti yang digariskan di dalam dokumen polisi "Financial Reporting for Islamic Banking Institutions". Kedua-dua kaedah taksiran zakat perniagaan yang disarankan oleh JAWHAR iaitu Kaedah Modal Berkembang dan Kaedah Modal Kerja boleh digunakan oleh institusi perbankan Islam.

Bagi perniagaan koperasi, amalan pelaporan perakaunan zakat perniagaan amat minimum berbanding keperluan garis panduan pelaporan kewangan koperasi yang menetapkan tatacara perakaunan bagi zakat perniagaan hendaklah dilapor dan dibentangkan secara terperinci.

## Saranan kepada Institusi Zakat

Hasil penelitian dapanan kajian, beberapa saranan dan cadangan dikemukakan khususnya kepada institusi zakat. Saranan dan cadangan adalah seperti berikut:

1. Institusi zakat disaran menyediakan format atau templat taksiran zakat yang khusus mengikut bentuk perniagaan, sektor atau industri seperti pembuatan, barang pengguna, perlombongan, pembinaan, teknologi, perladangan, harta tanah, kewangan, hotel, perdagangan atau perkhidmatan. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini, institusi zakat perlu menyediakan format taksiran zakat perniagaan yang lengkap dan komprehensif bagi institusi perbankan Islam dan koperasi. Selain itu, templat taksiran zakat perniagaan boleh diperluaskan kepada bentuk perniagaan lain seperti peniaga kecil, peniaga atas talian dan penyedia perkhidmatan takaful.
2. Institusi zakat mencadangkan kepada pihak pembuat polisi atau garis panduan supaya keperluan pelaporan perakaunan zakat perniagaan didedahkan secara telus dan menyeluruh. Hal ini kerana pendedahan maklumat berkaitan zakat perniagaan yang lengkap dan berkualiti dapat membantu pengguna penyata kewangan membuat perbandingan dan penilaian terhadap kedudukan dan prestasi kewangan entiti perniagaan. Sekiranya entiti perniagaan telah menunaikan zakat, maka adalah wajar perakaunan zakat tersebut dibentangkan di dalam penyata kewangan secara telus dan menyeluruh dan tidak hanya memenuhi keperluan minimum sahaja.
4. Institusi zakat boleh memperkenal dan mengiktiraf asas zakat yang baru seperti zakat berdasarkan pendapatan. Di Malaysia, perakaunan zakat perniagaan dibentuk berdasarkan ijithad dimana ianya bersifat tidak rigid dan fleksibel. Perubahan dalam perakaunan zakat perniagaan masakini perlu dibuat seiring dengan perkembangan pesat ekonomi dan dapat dipraktikkan oleh pelbagai bentuk entiti perniagaan yang beroperasi di Malaysia.

4. Taksiran zakat boleh dibuat secara automatik ke atas semua entiti perniagaan yang dimiliki oleh Muslim seperti yang diamalkan di Arab Saudi. Setiap entiti perniagaan samaada peniaga kecil atau syarikat dikehendaki melaporkan penyata kewangan perniagaan menggunakan e-perkhidmatan ke pihak berkuasa Zakat dan Cukai di Arab Saudi. Setelah itu, zakat perniagaan akan ditaksir secara automatik oleh sistem atas talian.

## Kajian Lanjutan

Kajian ini hanya menggunakan kaedah analisis kandungan ke atas laporan tahunan Institusi Perbankan Islam dan laporan tahunan koperasi. Ini menyebabkan kajian tidak dapat dibuat secara mendalam dan dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada bentuk perniagaan yang lain. Analisis kandungan juga perlu dilakukan ke atas dokumen sokongan seperti lembaran kerja taksiran zakat perniagaan bagi menilai ketepatan taksiran zakat yang telah dibuat. Selain itu, kajian dengan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes, temubual atau focus group discussion dicadangkan kepada penyelidik pada masa akan datang bagi memperoleh data kajian yang lebih terperinci dan mendalam.

Kajian lanjut perlu dilakukan ke atas item-item aset dan liabiliti yang masih kurang jelas kedudukannya samada dikenakan zakat atau tidak. Item seperti aset kewangan, sekuriti kewangan, rizab berkanun, harta dicagar atau digadai, peruntukan dan obligasi rekursa ke atas pembiayaan yang dijual ke Cagamas perlu dianalisa secara mendalam dengan pendekatan kualitatif. Kaedah eksperimen atau simulasi boleh digunakan bagi menguji kesan item-item tersebut ke atas taksiran zakat perniagaan.

Dapatkan kajian ini dijangkakan dapat membantu institusi zakat menghasilkan templat pengiraan zakat perniagaan yang khusus mengikut bentuk perniagaan dan diamalkan di seluruh Malaysia. Buku pengiraan zakat perniagaan mengikut bentuk perniagaan seperti peniaga kecil, peniaga atas talian dan penyedia perkhidmatan takaful boleh diterbitkan selepas kajian lanjutan dilaksanakan. Buku yang dihasilkan hendaklah sesuai untuk bacaan umum agar dapat menggalakan perniagaan dari pelbagai bentuk melaksanakan tanggungjawab zakat perniagaan.





## RUJUKAN

- Abdul Rahman, A.R. (2010). An Introduction to Islamic Accounting Theory and Practice. CERT Publications.
- Abdul Rahman, A.R. (2003). Accounting regulatory issues on investments in Islamic bonds. International Journal of Islamic Financial Services, 4(4). <https://pdfs.semanticscholar.org/db9e/d89fe17ea930ea97e13ec7d9cda34d072477.pdf>.
- Abdullah Ibrahim, A. A. A., Abdul Kadir, M. R., and Syed Adwam Wafa, S. M. G. W. (2012). Assessing Financial Reporting on adopting Business Zakat Guidelines on Malaysian Government Linked Companies. International Journal of Business and Social Science, 3(24), 220–229. <http://doi.org/10.4135/9781446249215>.
- Abu ‘Ubayd al-Qasim (1991), Kitab al-Amwal. 454, 1185
- Al-Qaradawi (2000), Fiqh az-Zakah: A Comparative Study. Kahf, M., Trans. London: Darul-Taqwa Ltd.
- Bank Negara Malaysia (BNM), (2005). The Islamic Financial System. Retrieved from <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/en/2003/cp05.pdf>.
- Bank Negara Malaysia (BNM), (2018). Financial Reporting for Islamic Banking Institutions.
- Hussain G. Rammal, (2006), “The importance of Shari’ah Supervision in Islamic Financial Institutions”, Corporate Ownership and Control, Vol. 3, No. 3, hh. 204-208.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2001). Panduan Zakat di Malaysia. Malaysia.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), (2010). Manual Pengurusan Zakat Perbankan. Malaysia.
- Lembaga Zakat Selangor, (2007). Panduan Zakat Perniagaan. Lembaga Zakat Selangor (MAIS).
- Malaysia Accounting Standard Board (MASB), (2006). MASB Technical Release i -1 Accounting for Zakat on Business.
- Malaysian Institute of Accountant (MIA), (2020). Accounting for Islamic Finance. Malaysia.
- Mohamad Zaim, I., Anitha, R., Mohammad Taqiuddin, M., dan Nor Hanani, A. (2015). Perbankan Islam Di Malaysia: Tinjauan Strategi Pengukuhannya. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, 9.
- Muhammad Ikhlas, Rosele (2016). Isu pembayaran zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia / Muhammad Ikhlas Bin Rosele. PhD thesis, University of Malaya.
- Mohd Shahron Anuar Said (2016). Zakat Perniagaan dan Kewajipan kepada Koperasi. Dimensikoop, Bil 49.
- Noor, R. M., Rashid, and Mastuki, N. (2011). Zakat and tax reporting: Disclosures practices of Shariah compliance companies. In 2011 Colloquium on Humanities, Science and Engineering (pp. 877–882). IEEE. <http://doi.org/10.1109/CHUSER.2011.6163862>.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), (2012). Gp23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi. Malaysia.
- Zahri Hamat, (2011). Perubahan Dalam Perakaunan Zakat di Malaysia. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol. 5, No. 11, hal. 19 - 34.
- Zahri Hamat, (2014). Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zahri Hamat dan Mohd Shukri Hanapi, (2017). Perakaunan Zakat Korporat di Malaysia : Dulu , Kini dan Masa Depan. Menelusuri Isu-isu kontemporari Zakat. Pusat Pungutan Zakat PPZ-MAIWP.

## Penerbitan Terdahulu



SCAN ME





## CALL FOR PAPER

AZKA International Journal of Zakat & Social Finance (AZJAF) is an open access journal published by the Akademi Zakat (AZKA). AZJAF is a type of scientific journal in zakat and social finance studies. By involving a large research community in an innovative peer-review process, AZJAF aims to provide fast access to high-quality papers and continual platform for sharing studies of academicians, researchers, and practitioners; disseminate knowledge and research in zakat studies and Islamic philanthropy; bridge the gap between theory and practice in the zakat and Islamic philanthropy issues.

AZJAF publishes fully open access journals, to its content on the principle that making research freely available to the public supports a greater global exchange of knowledge, which means that all articles are available on the internet to all users immediately upon publication. Non-commercial use and distribution in any medium is permitted, provided the author

### Aim & Scope

AZJAF seeks original academic research examining the broad scope of zakat, philanthropy, and social finance study such as general activities of zakat and philanthropy management, institutional foundation, zakat, and philanthropic administrators qualifications, good governance practices, assessment methodology, and other areas related to zakat, philanthropy, and social finances. General activities of zakat management cover discourses about zakatable wealth, methods of collection and performance indicator; Institutional foundation includes the private

sector, special department, government on mandatory basis enforced by the regulation and credibility of the institutions; Zakat and nonprofit administers qualifications comprises sharia and professionalism principles and trust of zakat payers and donators.

On the other hand, we seek to draw articles by researchers from across disciplines related to Muslim nonprofit, philanthropic and voluntary action, and practitioners throughout the world working in this emerging field.

### Invitation To Submit Original Manuscripts

AZJAF invites scholars and researchers to contribute to the journal's upcoming publication on the topic of zakat, philanthropy, and social finance. The journal accepts original manuscripts based on conceptual/theoretical, historical or empirical studies that investigate the Qur'an and/or hadith from any relevant perspective or discipline. Kindly visit: <https://azjaf.zakat.com.my/> to get more information.

### Author Guidelines

#### Ethics

Authors who submit articles to AZJAF affirm that manuscript contents are original. Submission also implies that the manuscript has not been published previously in any other journal or currently submitted for publication elsewhere. Only original papers will be accepted, and copyright of published papers will

be vested in the publisher. The Editorial Board is responsible for preventing publication malpractice. Authors need to avoid plagiarism because AZJAF team would not tolerate with it and the possibility to be rejected (desk rejection) is high.

## Format

### Abstract

An abstract not exceeding 200 words should be enclosed on a separate sheet at the beginning of the text. Extended version of abstract and title in ENGLISH is required if the article submitted in Malay language. The format of abstract should provide the purpose, design/methodology/approach, findings, originality/value, a maximum of six (6) keywords that will assist in indexing the paper and paper type.

Manuscript should be written using the following format:

Type : Microsoft Word  
Font type : Garamond  
Font size : 12  
Spacing : 1.0

Manuscript should be typed with single spacing in Microsoft Word 97 or higher and should not exceed 7,000 words.

The manuscript should follow the following order:

- The TITLE should be written in title case, font size 14 and center aligned.
- Author(s) and corresponding author information. Authors are required to include a cover page indicating the details for all authors (name(s), institutions and corresponding author's name, institutions and full address, telephone number and mobile phone number and e-mail address) for editorial correspondence.
- The manuscript should be written with the headings Introduction, Literature Review, Methodology, Results and Conclusion.
- Illustrations: Indicate table within text. Camera-ready table should be typed flush with the left margin and have proper labeling of sources, column headings and other notation. The table numbers and title should be typed on separate

lines. Table (title above) and figure (title below) and it is important to provide clear copy of figures.

- Citation Format/References: AZJAF follows the APA (American Psychological Association) style for all in-text citation. List of References should be in alphabetical order for every work cited in the text. References should be carefully checked for completeness, accuracy and consistency (spelling, date and title). All endnotes should appear before references and it should be kept to minimum. Refer link provided: [https://owl.purdue.edu/owl/research\\_and\\_citation/apa\\_style/apa\\_formatting\\_and\\_style\\_guide/general\\_format.html](https://owl.purdue.edu/owl/research_and_citation/apa_style/apa_formatting_and_style_guide/general_format.html)

In order to increase the citation of the journal's articles, each submission is compulsory to cite AT LEAST ONE article published by the (AZJAF) journal.

Manuscript submitted to the journal will initially be screened by the Managing Director and Editor, to determine their appropriateness for publication. Only those considered appropriate will follow a double refereeing process by editorial board members. Kindly visit: <https://azjaf.zakat.com.my/> to get more information about AZJAF.

## NOTA





AZKA-PPZ  
AKADEMI ZAKAT

ISBN 978-967-17088-8-0

9 789671 708880

AKADEMI ZAKAT (AZKA)  
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT  
Wisma PPZ, 68-1-6,  
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,  
Taman Shamelin Perkasa,  
56100 Kuala Lumpur.

TALIAN ZAKAT  
**1300 88 5757**

Pusat Pungutan Zakat

[zakat.com.my](http://zakat.com.my)

[azka.zakat.com.my](http://azka.zakat.com.my)



MS ISO 9001 : 2015  
CERT NO. : MY-AR 2514



MS ISO 9001 : 2015  
CERT NO. : MY-AR 2514